

## EFIKASI DIRI GURU DALAM MENANGANI KANAK-KANAK AGRESIF DI PRA-SEKOLAH : SATU KAJIAN KES DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN.

Siti Zaharah Ahmad  
Lee Jun Choi  
Sawan @ Mohammad Syawal Narawi

### ABSTRAK

*Dewasa kini sikap agresif pelajar bukan sahaja terjadi di peringkat sekolah rendah dan menengah, malah berlaku juga di peringkat pra-sekolah. Suka atau tidak, sebagai seorang pendidik di pra-sekolah, perkara ini merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi. Adalah menjadi tanggungjawab seorang guru pra-sekolah untuk menangani kes-kes kanak-kanak yang berkelakuan agresif. Sehingga kini belum lagi terdapat sebarang kajian yang melihat apakah sebenarnya tahap efikasi diri guru pra-sekolah serta sumber-sumber yang mempengaruhinya dalam menghadapi kanak-kanak agresif. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui sejauhmanakah tahap efikasi diri guru dalam menangani kanak-kanak yang agresif dan menentukan sumber efikasi diri yang manakah yang merupakan peramal yang konsisten bagi setiap subskil efikasi diri (tingkah laku, kognitif, emosi) guru dalam menangani anak-anak yang agresif di pra-sekolah. Berdasarkan borang soal selidik yang telah diedarkan, seramai 251 guru pra-sekolah terlibat dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati tahap efikasi diri guru (Tingkah laku, Kognitif, dan Emosi) dalam menangani kanak-kanak agresif adalah di tahap sederhana. Berdasarkan dapatan kajian ini, Pujukan Lisan dan Ransangan Fisiologi merupakan peramal yang signifikan terhadap efikasi diri kognitif dan efikasi diri emosi dalam menangani kanak-kanak agresif dalam pra-sekolah. Adalah disarankan agar segala bentuk program pembangunan diri guru berkaitan dengan perkara ini perlu lebih fokus pada strategi kognitif dan metakognitif serta mewujudkan satu sistem sokongan sosial yang positif serta mantap terutamanya dari pihak pentadbir dan ibu bapa.*

**Kata kunci:** Efikasi guru, Guru pra-sekolah, Kanak-kanak agresif.

### Pendahuluan

Sikap agresif pada zaman kanak-kanak di sekolah adalah merupakan antara asas kepada perlakuan maladaptif apabila mereka meningkat ke alam remaja, seperti kenakalan, penyalahgunaan dadah, pencapaian akademik rendah, dan terlibat dengan perlakuan keciciran sekolah (Hughes, Cavell & Jackson, 1999). Memandangkan terdapat kesan yang mendalam akibat daripada sikap agresif pada zaman kanak-kanak, beberapa penyelidik telah membangunkan dan mengkaji cara awal untuk mencegah dan mengurangkan tingkah laku agresif oleh kanak-kanak pada awal tahun persekolahan (Webster-Stratton, Reid & Hammond, 2004). Pengkaji-pengkaji di atas mendapati salah satu faktor yang boleh menjadi kawalan utama dalam cara mengatasi sikap agresif dalam kalangan kanak-kanak yang berkesan adalah faktor hubungan kanak-kanak dengan guru mereka. Masalah tingkah laku agresif kanak-kanak sering menyebabkan berlakunya keadaan konflik guru-murid (O'Connor, Dearing & Collins, 2011).

Masalah tingkah laku agresif kanak-kanak juga berlaku di peringkat pra-sekolah dan ianya sering tidak diberi perhatian serius atau diabaikan, padahal perkembangan kanak-kanak di peringkat ini merupakan peringkat yang penting dalam menentukan perkembangan kanak-kanak ke fasa yang seterusnya. Masalah tingkah laku agresif kanak-kanak di pra-sekolah termasuk tingkah laku agresif terhadap orang lain (memukul, berkelahi), tingkah laku menentang dan emosi (luahan emosi, sikap mengingkari), dan masalah perhatian (masalah memberi perhatian, tidak membuat kerja yang kemas (Eyberg & Pincus, 1999)). Masalah tingkah laku agresif kanak-kanak bukan sahaja boleh menyumbang kesan negatif terhadap pencapaian akademik semasa kanak-kanak, hubungan dengan guru, dan pembangunan sosial-emosi, tetapi juga menyumbang terhadap sikap maladaptif di masa depan (Hinshaw, 1992). Sebagai contoh, pada zaman pertengahan kanak-kanak, sikap agresif yang tidak dikawal boleh membawa kepada tingkah laku anti-sosial, agresif, dan pemulauan rakan sebaya (Hinshaw, et al., 2012). Banyak juga kajian yang mendapati bahawa sikap awal ini akan berterusan ke peringkat rendah, dan kemudian menengah serta sekolah tinggi (Broidy et al, 2003; Nagin & Tremblay, 1999; Sutton, Smith & Swettenham, 1999) jika tidak ditangani dengan baik dan bijak. Oleh kerana sikap agresif pada peringkat kanak-kanak pra-sekolah perlu dikawal dan ditangani dengan baik kerana ianya boleh menyumbang kepada tingkah laku maladaptif pada masa depan. Sikap agresif yang ditunjukkan oleh kanak-kanak juga boleh dianggap sebagai salah satu bentuk perlakuan berbahaya jika tidak diberi perhatian yang serius oleh guru-guru (Broidy et al, 2003).

Selalunya kanak-kanak dengan tingkah laku agresif akan diabaikan dan dipulau oleh rakan-rakan dan ini berkemungkinan besar boleh meninggalkan kesan seumur hidup terhadap kanak-kanak tersebut. Akibatnya mereka cenderung untuk berkembang menjadi seseorang yang anti-sosial, ponteng serta tidak berminat dengan aktiviti sekolah, melakukan perbuatan jenayah, mempunyai pencapaian akademik yang rendah, mempunyai harga diri yang rendah, dan mempunyai masalah dalam hubungan dengan rakan sekerja lain pada peringkat dewasa (Sutton, Smith & Swettenham, 1999).

Di Malaysia, kajian ke atas kanak-kanak agresif yang dilakukan oleh beberapa penyelidik seperti Zanariah & Kamarul Shukri (2016), Siti Noor dan Fauziah Bt Abd Rahim (2013), Wirawani binti Kamarulzaman & Pang Zhi Siew (2015) menunjukkan

bahawa ianya adalah masalah yang perlu diatasi dengan serius. Kebanyakan pengkaji di atas mendapati bahawa kanak-kanak pra-sekolah yang pernah menjadi mangsa kanak-kanak yang agresif akan berasa marah, tertekan, ketakutan dan berasa tidak selesa. Ini juga akan memberi kesan kepada proses pendidikan kanak-kanak lain, di mana mangsa kanak-kanak yang agresif tidak dapat menumpukan perhatian pada pelajaran mereka. Walaupun bilangannya kecil, kanak-kanak pra-sekolah yang mempamerkan sikap agresif cenderung untuk mengganggu serta membuli pelajar lain (Schwartz, Proctor, & Chien, 2001). Selain daripada itu, mangsa pelajar agresif lebih cenderung untuk mempunyai masalah emosi, tingkah laku, sosial, dan akademik. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa kanak-kanak yang menjadi mangsa rakan-rakan yang bersikap agresif terutama mereka yang berulang kali menjadi mangsa, mempunyai risiko untuk menjadi semakin agresif dan juga semakin tertekan dan cemas dari masa ke masa (Hanish & Guerra, 2002; Schwartz et al, 1998).

Kini, ramai kanak-kanak mengikuti kelas pra-sekolah dengan sedikit pengetahuan tentang kelakuan yang sepatutnya diamalkan ketika berada di bilik darjah dan tidak peduli tentang peraturan yang ditetapkan oleh guru. Tambahan pula, dengan peningkatan penggunaan internet dan juga media massa yang lain, kanak-kanak yang cenderung meniru tingkah laku agresif dan membuat perkara yang tidak sepatutnya akan memburukkan lagi keadaan (Azizi Yahaya et al, 2004). Selain daripada itu, perilaku agresif kanak-kanak juga disebabkan oleh setengah ibubapa terlalu memanja atau sayangkan anak, yang mana ini akan menyumbang kepada kegagalan guru untuk mendisiplinkan anak-anak mereka. Apabila kanak-kanak yang tidak berdisiplin atau tidak dididik dengan disiplin yang sepatutnya sebelum ke alam persekolahan, mereka akan memaparkan tingkah laku agresif atau dikenali sebagai 'pelajar/kanak-kanak bermasalah' di pra-sekolah. Rata-rata guru di pra-sekolah menghadapi masalah untuk menghadapi kanak-kanak yang bersikap agresif terutamanya kanak-kanak yang bersikap sedemikian ketika berada di rumah lagi. Walaupun jarang berlaku di negara kita, kini sudah ada kes yang mana kanak-kanak pra-sekolah telah disinggir dari pra-sekolah kerana tingkah laku agresif di tadika. Contohnya di Atlanta dan di Amerika. Walaupun perkara ini jarang berlaku di peringkat pra-sekolah khususnya di negara Malaysia, namun tidak sesiapa yang boleh menjamin yang perkara ini tidak akan menjadi salah satu fenomena yang serius di kemudian hari. Bak kata pepatah Melayu "Cegah sebelum parah", "melentur buluh biarlah dari rebungunya". Walaupun tahap perlakuan agresif dalam kalangan kanak pra-sekolah adalah rendah di Malaysia tetapi perlulah diselidiki bagi mengetahui keadaan sebenar.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa peranan seorang guru di pra-sekolah adalah penting terutamanya apabila mendidik dan membentuk sahsiah kanak-kanak. Muhammad Faizal & Ghani (2016) menyatakan bahawa pendidikan berkualiti bukan sahaja dalam aspek prasarana sekolah yang baik, integrasi kurikulum dan kokurikulum yang berkesan tetapi mempunyai perkaitan signifikan dengan kualiti guru. Oleh itu seseorang guru yang berkualiti diperlukan agar dapat serta berupaya mendidik, menghadapi dan seterusnya menangani kanak-kanak yang mempamerkan sikap agresif. Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Di dalam menghadapi serta menangani kanak-kanak yang bersikap agresif terhadap kanak-kanak lain atau guru sendiri, kesediaan diri guru dari segi tingkah laku, kognitif, dan emosi merupakan sesuatu yang perlu diberi perhatian dan perkara ini masih lagi tidak jelas khususnya dalam kalangan guru-guru pra-sekolah. Beberapa kajian telah menunjukkan bukti empirikal dalam menyokong efikasi diri guru di dalam membuat keputusan berkaitan dengan pelajar, dalam konteks pendidikan (Tschannen-Moran & Hoy 2001). Efikasi diri guru juga didapati mempengaruhi pencapaian prestasi akademik dan ketekunan kanak-kanak (Martin & Marsh, 2006; Skaalvik & Skaalvik, 2007), komitmen profesional serta keterbukaan kepada kaedah baru dalam pengajaran dan tingkah laku guru positif (Guskey, 1988). Walau bagaimanapun, kajian ini ingin melihat sejauhmanakah efikasi diri guru di dalam menghadapi dan seterusnya menangani kanak-kanak yang mempamerkan tingkahlaku agresif. Apabila menghadapi dan menangani kanak-kanak sedemikian apakah sebenarnya perasaan mereka, apakah yang mereka fikirkan. Apakah tahap efikasi diri mereka dari segi kelakuan, pemikiran serta emosi apabila menghadapi serta menangani kanak-kanak agresif di pra-sekolah? Henson (2001) menyatakan di dalam mengkonsepsi efikasi diri guru, perkara yang sering tidak diberi perhatian ialah sumber-sumber yang mempengaruhi efikasi diri guru serta kaitannya dengan tahap efikasi diri seseorang guru, khususnya di dalam konteks negara kita.

### **Objektif kajian**

Terdapat dua objektif untuk kajian ini. Pertama ialah untuk mengenalpasti tahap efikasi diri guru dalam efikasi perlakuan, efikasi kognitif, dan efikasi emosi dalam menangani kanak-kanak pra-sekolah yang berkelakuan agresif di dalam bilik darjah. Untuk objektif yang kedua, kajian ini ingin menentukan sumber pengaruh (pengalaman Masteri, pengalaman Vikarius, Pujukan lisan, Rangsangan Fisiologi) yang manakah yang merupakan peramal bagi setiap subskil efikasi diri (tingkah laku, kognitif, emosi) guru dalam menangani anak-anak yang agresif di pra-sekolah

### **Limitasi Kajian**

Kajian kes ini hanyalah dijalankan di negeri Kedah sahaja disebabkan oleh beberapa limitasi yang dihadapi oleh penyelidik. Sememangnya tujuan asal kajian ini adalah agar ianya dijalankan di seluruh negara, namun disebabkan kekangan kewangan dan juga masa, maka kajian ini hanyalah dijalankan di negeri Kedah sahaja yang mana hanya melibatkan seramai 251 orang guru pra-sekolah. Jumlah responden juga agak terhad yang mana Cuma terdapat hanya seorang atau dua orang guru pra-sekolah di dalam sesebuah sekolah yang mempunyai pra-sekolah. Proses mengumpul data juga agak mencabar yang mana penyelidik hanya dibantu oleh beberapa orang rakan yang rela membantu.

### **Efikasi Diri**

Merujuk kepada kepercayaan peribadi terhadap keupayaan diri yang seterusnya menentukan dan memotivasikan cara seseorang berfikir dan bertindak (Bandura, 1994). Menurut Bandura (1993) efikasi diri merupakan kepercayaan seseorang terhadap keupayaan diri untuk berjaya di dalam melakukan sesuatu dalam keadaan tertentu.

Efikasi diri juga ditakrifkan sebagai kepercayaan seseorang mengenai keupayaan mereka untuk menghasilkan tahap prestasi yang ditetapkan dan mempengaruhi mereka di dalam menjalankan tugas seras peristiwa-peristiwa yang memberi kesan kepada kehidupan mereka. Efikasi diri berkesan menentukan bagaimana orang merasa, berfikir, memberi motivasi kepada diri mereka sendiri dan bertindak. Kepercayaan itu menghasilkan kesan yang pelbagai melalui empat proses utama. Ia termasuk proses kognitif, motivasi, afektif dan pemilihan. Asas teori efikasi sendiri yang terdapat dalam teori Sosial Kognitif sosial, yang dibangunkan oleh profesor University of Stanford iaitu Albert Bandura (1977, 1997). Teori Sosial Kognitif menganggap bahawa manusia sebagai satu agen yang bertindak dengan persekitaran yang dipengaruhi oleh kehendak atau tujuan tertentu, dan proses tersebut saling mempengaruhi di antar satu sama lain dan dikenali sebagai 'triadic reciprocal causation'. Ianya merupakan model pelbagai hala yang menyatakan bahawa segala keputusan atau perbuatan manusia adalah dipengaruhi oleh tiga perkara yang saling mempengaruhi di antara satu dengan yang lain iaitu: pengaruh persekitaran, tingkah laku kita, dan faktor-faktor peribadi dalaman seperti kognitif, afektif, dan proses biologi .

Tschannen-Moran, WoolfolkHoy dan Hoy (2001) mendefinisikan efikasi diri guru sebagai keupayaan guru untuk mendapatkan hasil yang dikehendaki melalui penglibatan dan pembelajaran kanak-kanak, malah dalam kalangan kanak-kanak yang mungkin sukar untuk belajar atau malas." Efikasi diri guru berefikasi-kendiri dalam kajian ini berpegang kepada apa yang dicadangkan oleh Gibbs (2000) berdasarkan kerangka teori Bandura (1986, 1997). Oleh itu, petunjuk penting efikasi diri guru diambil kira dalam kajian ini adalah ;

- a) Efikasi Tingkah laku :
  - Merujuk kepada keupayaan seseorang guru untuk melaksanakan tindakan tertentu dalam menangani sesuatu masalah.
- b) Efikasi Kognitif :
  - Merujuk kepada keupayaan seseorang guru untuk mengawal pemikirannya di dalam melaksanakan sesuatu tugas dalam keadaan tertentu.
- c) Efikasi Emosi :
  - Merujuk kepada keupayaan seseorang guru untuk melaksanakan kawalan ke atas emosi seseorang dalam keadaan tertentu.

### **Tingkhilaku Agresif**

Tingkah laku agresif ditakrifkan sebagai kategori tingkah laku yang boleh menyebabkan atau mengancam fizikal dan membawa kecederaan kepada orang lain (Loeber & Hay, 1997).. Campbell, Shaw & Gilliom (2000) menyatakan bahawa tingkah laku agresif bermula pada peringkat awal kehidupan dalam kebanyakan kanak-kanak iaitu ketika berumur kira-kira empat tahun tetapi berkurangan selepas umur tersebut. Beberapa kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar kanak-kanak adalah agresif, tidak taat, terlalu aktif dan mempunyai masalah pada usia mereka memasuki alam persekolahan (Shaw, Winslow & Flanagan, 1999). Sikap agresif fizikal ditakrifkan sebagai niat untuk menyakiti, bahaya, atau mencederakan orang lain (Dodge, Coie, & Lynam, 2006).

Terdapat dua kategori tingkah laku agresif iaitu berbentuk instrumental (penyerang proaktif) dan matlamat (penyerang reaktif). Tingkah laku agresif yang instrumental ialah berkaitan dengan sesuatu tujuan untuk mendapatkan sesuatu. Contohnya mencederakan sesuatu atau seseorang untuk mendapatkan sesuatu atau hendak menang dalam sesuatu permainan. Tingkah laku ini bukan bertujuan untuk mencederakan tetapi bertujuan untuk mendapatkan matlamat yang diinginkan. Golongan ini percaya keagresifan dapat mendatangkan keuntungan dan harga diri dapat dipertingkatkan dengan mendominasi orang lain sebelum perkara yang serius berlaku. Tingkah laku yang berbentuk matlamat (penyerang reaktif) mempunyai tujuan untuk mencederakan pihak lain. Contohnya mencederakan sesuatu kerana perasaan benci atau iri hati. Golongan ini bersikap bermusuhan yang tinggi dan bertindak balas agresif berbanding golongan lain (Azizi 2004).

### **Kerangka Teoritikal Kajian**

Menurut Bandura (1986a), efikasi diri adalah keupayaan mereka untuk mengatur dan melaksanakan kursus tindakan yang diperlukan untuk mencapai jenis ditetapkan. Oleh itu, efikasi diri mempunyai pengaruh penting ke atas tingkah laku manusia dan memberi kesan dalam penetapan matlamat, perbelanjaan usaha dan tahap kegigihan dalam menghadapi tugas-tugas setiap hari. Efikasi diri membantu menentukan apa yang individu lakukan dengan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki untuk menghasilkan hasil yang diinginkan.

Teori asas yang mendasari efikasi diri ialah Teori Sosial Kognitif, yang dibangunkan oleh profesor *University of Stanford* iaitu Albert Bandura (1977, 1997). Teori Sosial tingkah laku manusia dipengaruhi oleh tiga perkara yang saling berkaitan: pengaruh persekitaran, tingkah laku, dan faktor-faktor peribadi dalaman seperti kognitif, afektif, dan proses biologi. Manusia bukan produk alam sekitar. Sebaliknya, manusia merupakan hasil dari interaksi dinamik antara luaran, dalaman, dan tingkah laku semasa dan masa lalu. Rangka kerja Bandura adalah konsep terhadap efikasi diri. Aspirasi Bandura mengenai efikasi diri adalah besar, seperti yang ditunjukkan dalam artikel beliau bertajuk "*Self-Efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change*" (1977). Dalam aspek pekerjaan, Bandura mentakrifkan efikasi diri sebagai "kepercayaan dalam keupayaan seseorang untuk menganjurkan dan melaksanakan kursus tindakan yang diperlukan untuk menghasilkan pencapaian diberikan "(p.3). Efikasi diri telah disifatkan sebagai perantara utama bagi kelakuan kita, dan yang penting, perubahan tingkah laku.

### **Sampel Kajian**

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada semua guru pra-sekolah yang sedang berkhidmat di kesemua pra-sekolah di negeri Kedah Darul Aman. Persampelan Rawak Berlapis digunakan untuk memilih sampel individu daripada populasi kajian ini. Kaedah ini sering digunakan di mana persampelan rawak mudah berkelompok dan persampelan rawak mudah individu digunakan bagi memilih sampel yang dianggap mewakili populasi kajian. di negeri Kedah.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menentukan saiz sampel kajian berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Oleh sebab populasi adalah 589 (550-600), penyelidik telah mengambil saiz sampel sebanyak 226-234. Walaubagaimanapun soal selidik telah diedarkan sebanyak 300 kepada respondent di negeri Kedah. Seramai 251 telah berjaya mengembalikan soal selidik untuk kajian ini.

### **Pegumpulan dan Analisis Data**

Setelah kebenaran diperolehi daripada Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (*Educational Planning and Research Division, Ministry of Education, Malaysia*) diperolehi, seterusnya surat kebenaran telah diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Kedah Darul Aman. Kebenaran untuk menjalankan kajian seterusnya diperolehi daripada Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) dan guru besar sekolah rendah yang terbabit.

Setelah mendapat kebenaran daripada pihak-pihak terbabit di atas, penyelidik sendiri dan juga dibantu oleh beberapa orang rakan penyelidik telah ke sekolah-sekolah yang dikenalpasti untuk mengedarkan borang soal selidik. Setiap guru pra-sekolah hanyalah memerlukan lebih kurang 15 minit sahaja. Sebelum mengedarkan borang soal selidik kepada peserta untuk dijawab, penyelidik akan menerangkan dengan ringkas tujuan dan bagaimana menjawab borang soal selidik tersebut. Secara keseluruhannya, lebih kurang 300 buah sekolah rendah yang mempunyai pra-sekolah di Daerah-daerah Sik, Yan, Kuala Muda, Kulim, Bandar baru, Pendang, Padang Terap dan Kota Setar di dalam negeri Kedah terlibat dalam kajian ini. Penyelidik dan rakan-rakan penyelidik seramai enam orang telah pun menggunakan lebih kurang 6 minggu untuk mengutip data mentah daripada sekolah-sekolah terbabit.

Untuk menerang serta membincangkan tahap efikasi diri guru dalam menangani kanak-kanak pra-sekolah yang berkelakuan agresif di dalam bilik darjah, kekerapan, peratusan, min, serta sisihan piawai telah digunakan. Untuk menentukan sumber pengaruh (pengalaman Masteri, pengalaman Vikarius, Pujukan lisan, Rangsangan Fisiologi) yang manakah yang merupakan peramal bagi setiap subskala efikasi diri (tingkah laku, kognitif, emosi) guru dalam menangani anak-anak yang agresif di pra-sekolah, kaedah Regresi telah digunakan.

### **Instrumen**

Satu set soal selidik telah dibina oleh penyelidik bagi mengumpul maklumat dan seterusnya menjawab persoalan kajian. Set soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A (Sumber Efikasi Diri Guru Dalam Menangani Kanak-kanak Agresif di Pra-sekolah), 32 item soal selidik; Bahagian B (Skala Efikasi Diri Guru Dalam Menangani Kanak-kanak Agresif di Prasekolah), 18 item soal selidik; dan Bahagian C (Beberapa maklumat diri responden yang berkaitan). *Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES)* yang telah dibina oleh Tschannen-Moran and Woolfolk Hoy (2001) telah digunakan sebagai rujukan utama di dalam membina kesemua 18 item yang terdapat di dalam 'Skala Efikasi Diri Guru Dalam Menangani Kanak-kanak Agresif di Pra-sekolah' yang digunakan untuk mengenalpasti apakah tahap efikasi diri guru (Efikasi Tingkahlaku, Efikasi Kognitif, dan Efikasi Emosi) di dalam menangani kanak-kanak agresif di pra-sekolah. Skala Efikasi Diri Guru Dalam Menangani Kanak-kanak Agresif di Prasekolah (EDG) yang terdiri daripada tiga sub skala iaitu Efikasi Perlakuan, Efikasi Kognitif, dan Efikasi Emosi seperti yang dicadangkan oleh Gibbs (2000) di dalam kajian mereka. Kesemua item-item yang terdapat di Bahagian A dan B di dalam borang soal selidik telah melalui beberapa proses kebolehpercayaan serta kesahan dan juga analisis Faktor (*Factor Analysis*). Untuk Bahagian A, Ketekalan dalaman (*Internal consistency*) untuk setiap sub skala telah diperiksa atau diuji dengan *Cronbach's alpha*. Secara keseluruhannya nilai alpha untuk setiap sub skala Sumber Efikasi Diri Guru Dalam Menangani Kanak-kanak Agresif di Pra-sekolah (SEDG) adalah sederhana, yang mana untuk Pengalaman Masteri/*Mastery Experience* (9 item) nilai alphanya adalah .76; .73 untuk Pengalaman Vikarius/ *Vicarious Experience* (8 item); Pujukan Lisan/*Verbal Persuasion* (9 item) .69; dan Rangsangan Fisiologi /*Physiological Arousal* (6 item) dengan nilai alpha sebanyak .83. Skor komposit (*composite scores*) telah pun diadakan untuk keempat-empat faktor, berdasarkan nilai min kesemua item yang mempunyai *primary loadings* untuk setiap faktor.

Untuk Bahagian B pula, Ketekalan dalaman (*Internal consistency*) untuk setiap sub skala juga telah diperiksa atau diuji dengan *Cronbach's alpha*. Secara keseluruhannya nilai alpha untuk setiap sub skala Efikasi Diri Guru Dalam Menangani Kanak-kanak Agresif di Pra-sekolah (EDG) adalah sederhana, yang mana untuk Efikasi Tingkah Laku (6 item) ialah .73, Efikasi kognitif (6 item) ialah .77, dan Efikasi Emosi (6 item) ialah .86. Nilai komposit telah diwujudkan untuk setiap ketiga-tiga faktor, berdasarkan skor min item-item yang telah dianalisis yang mana mempunyai *primary loading* untuk setiap faktor. Nilai skor yang semakin tinggi menunjukkan tahap efikasi diri yang semakin tinggi seseorang guru dalam menangani kanak-kanak agresif di pra-sekolah.

Untuk Bahagian A, para peserta diminta untuk menyatakan tahap persetujuan atau ketidaksetujuan dengan membulat pada pilihan skala Likert 5-mata antara 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Untuk menjawab Bahagian B pula, peserta kajian diminta untuk memilih skala Likert 5-mata antara 1.Tidak, 2. Sangat sedikit, 3. Sedikit sahaja, 4.Agak tinggi, dan 5. Sangat tinggi, bagi setiap pernyataan soal selidik yang diberikan.

## Keputusan

Jadual 1.0 : Skor Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai bagi setiap Efikasi Tingkah Laku (ETL), Efikasi Kognitif (EK), dan Efikasi Emosi (EE,) Dalam Menangani Kanak-kanak Agresif di Pra-sekolah.

Item	Tahap	Min	Sisihan Piawai(SP)
Efikasi Tingkah Laku (ETL)	Sederhana	3.82	0.37
Efikasi Kognitif(EK)	Sederhana	3.91	0.34
Efikasi Emosi(EE)	Sederhana	3.87	0.35

Min Keseluruhan = 3.86 (SP= .34) Bilangan (N)= 251 Cronbach's Alpha = .92

Berdasarkan Jadual 1.0, kesemua ketiga (Efikasi Tingkah Laku, Efikasi Kognitif dan Efikasi Emosi diri) skor jatuh antara julat 3.82 hingga 3.91. Efikasi kognitif mempunyai purata keseluruhan tertinggi dengan purata keseluruhan 3.91 (SP = 0.34). Ini diikuti oleh Efikasi emosi dengan purata keseluruhan 3.87 (SP = 0.35), dan Efikasi Tingkah Laku dengan min keseluruhan 3.82 (SP = 0.37).

Jadual 1.1: Tahap Efikasi Diri Kognitif (EK) Guru Mengenai Pengendalian Kanak-kanak Agresif Di Pra-Sekolah.

No.	Item	Rendah	Sederhana	Tinggi	M	SP
		Frekuensi				
		(Peratus)				
2	Sejauh manakah anda dapat lakukan untuk mempengaruhi seseorang kanak-kanak agar melaporkan kepada anda apabila kanak-kanak lain bersikap agresif terhadapnya?	3 (1.20)	37 (14.70)	211 (84.10)	3.90	0.50
4	Sejauhmanakah anda dapat lakukan di dalam membantu kanak-kanak menghargai maruah mereka?	1 (0.40)	40 (15.90)	210 (83.70)	3.92	0.50
10	Sejauhmanakah anda boleh menggunakan pelbagai strategi di dalam menangani kanak-kanak yang bersikap agresif ?	3 (1.20)	61 (24.30)	187 (74.50)	3.79	0.55
14	Berapa banyak yang boleh anda lakukan untuk menunjukkan kepada kanak-kanak bahawa sikap agresif adalah tidak boleh diterima, mengganggu, tidak menghormati orang lain, serta merupakan perbuatan yang salah ?	4 (1.60)	42 (16.70)	205 (81.70)	3.79	0.53
15	Sejauh manakah anda boleh tunjukkan kepada kanak-kanak bahawa semua orang perlu dihargai dan dihormati di kelas anda?	3 (1.20)	23 (9.20)	225 (89.70)	4.00	0.51
18	Sejauhmanakah anda yang boleh lakukan untuk mendapatkan kepercayaan kanak-kanak bahawa anda adalah guru atau individu yang paling boleh dipercayai atau dimaklumkan, khususnya apabila mereka berasa tidak selesa akibat daripada sikap agresif kanak-kanak lain?	0 (0.00)	20 (8.00)	231 (92.00)	4.00	0.41

Min = 3.91, SP = 0.34 N = 251

Efikasi Diri kognitif (Jadual 1.1), berada di peringkat tertinggi efikasi diri guru dalam menangani agresif di kalangan kanak-kanak di pra-sekolah. Item 18 menunjukkan skor min tertinggi iaitu 4.00 (SP = 0.41), di mana kanak-kanak mempercayai bahawa guru adalah orang yang paling boleh dipercayai atau dimaklumkan, khususnya apabila mereka berasa tidak selesa akibat daripada sikap agresif kanak-kanak lain. Item 15 yang juga mempunyai markah min yang agak tinggi iaitu 4.00 (SP = 0.51), yang mana majoriti daripada guru-guru di dalam kajian ini merasakan mereka dapat menunjukkan kepada kanak-kanak bahawa semua orang perlu dihargai dan dihormati di dalam kelas. Apabila ditanya mengenai seberapa banyak responden dapat

lakukan untuk membantu seseorang kanak-kanak itu menghargai maruah mereka (item 4), kebanyakan mereka (83.06%) menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi dengan skor min 3.92 (SP = 0.50). Untuk item 14, lebih daripada separuh (81.70%) dengan skor min 3.79 (SP = 0.53), setuju yang mereka boleh menunjukkan kepada kanak-kanak bahawa sikap agresif adalah tidak boleh diterima, mengganggu, tidak menghormati orang lain, serta merupakan perbuatan yang salah. Bagi item 10, dengan skor min 3.79 (SP = 0.53) lebih daripada separuh (74.50%) responden menunjukkan keyakinan tinggi dalam menggunakan pelbagai strategi dalam menangani kanak-kanak agresif di pra-sekolah.

Jadual 1.2: Tahap Efikasi Diri Emosi (EE) Guru Berkenaan dengan mengatasi agresif di kalangan kanak-kanak di Pra- Sekolah

No	Item	Rendah	Sederhana Frekuensi (Peratus)	Tinggi	M	SP
3	Sejauh manakah anda boleh membantu mangsa dalam mengatasi kekecewaan mereka kebimbangan, dan kesakitan?	5 (2.00)	43 (17.10)	203 (80.90)	3.83	0.54
7	Berapa banyak yang boleh anda lakukan agar membuatkan kanak-kanak mematuhi peraturan sekolah ?	0	31 (12.40)	220 (87.60)	3.95	0.45
11	Setakat manakah anda boleh memberi nasihat atau bimbingan kepada mangsa kanak-kanak agresif?	1 (0.40)	50 (19.90)	200 (79.70)	3.84	0.49
13	Sejauhmanakah anda dapat melaksanakan program anti-agresif dalam kalangan kanak-kanak dalam kelas anda?	7 (2.80)	65 (25.90)	179 (71.30)	3.72	0.59
16	Berapa banyak yang boleh anda lakukan untuk menjadikan kanak-kanak percaya bahawa, anda adalah tempat mereka mengadu terutamanya apabila mereka benar-benar sedih atau tertekan akibat perlakuan agresif kanak-kanak lain	1 (0.40)	26 (10.40)	224 (89.20)	3.98	0.46
17	Sejauhmanakah anda dapat lakukan untuk mempengaruhi kanak-kanak agar berani mengadu kepada orang lain yang mereka juga adalah mangsa kanak-kanak agresif?	3 (1.20)	37 (14.70)	211 (84.10)	3.91	0.52

Min = 3.87, SP = 0.35 N=251

Efikasi Diri Emosi (Jadual 1.2). Sama seperti Efikasi Diri Kognitif, terdapat enam kenyataan yang mewakili efikasi diri emosi dalam menangani kanak-kanak agresif di pra-sekolah. Item 16 menghasilkan skor min tertinggi iaitu 3.98 (SP = 0.46) di mana lebih daripada tiga suku (89.20%) responden (N = 251) mempunyai keyakinan tinggi bahawa mereka boleh menjadikan kanak-kanak percaya bahawa, mereka adalah tempat mereka mengadu terutamanya apabila mereka benar-benar sedih atau tertekan akibat perlakuan agresif kanak-kanak lain. Untuk Item 7 pula dengan skor min 3.95 (SP=0.45), Kebanyakan (84.10%) guru-guru prasekolah dalam kajian ini merasakan mereka boleh melakukan banyak perkara agar membuatkan kanak-kanak mematuhi peraturan di sekolah. Untuk item 3, yang mana apabila guru-guru pra-sekolah ini ditanya mengenai sejauh manakah mereka boleh membantu mangsa dalam mengatasi kekecewaan mereka kebimbangan, dan kesakitan, lebih dari tiga suku (80.90%) bersetuju yang mereka mampu melakukannya.

Bagi item 11, dengan skor min 3.84 (SP = 0.49), lebih daripada tiga suku (79.70%) responden (N = 251) mempunyai perasaan yang tinggi yang mereka mampu memberikan nasihat atau bimbingan terhadap mangsa kanak-kanak agresif. Dengan skor min 3.72 (SP = 0.59), majoriti (71.30%) daripada responden kajian ini merasakan mereka mempunyai keyakinan tinggi dalam melaksanakan program anti agresif dalam kalangan kanak-kanak pra-sekolah dalam kelas mereka (item 13).

Jadual 1.3 : Tahap Efikasi diri Tingkah Laku diri (ETL) Guru Mengenai Menangani Kanak-kanak Agresif di pra-sekolah.

Item	Rendah	Sederhana Frekuensi	Tinggi	M	SP
------	--------	------------------------	--------	---	----

(Peratus)

1. Sejauh manakah anda yakin yang anda mampu menangani sikap agresif kanak-kanak di dalam bilik darjah	6 (2.4)	30 (12.00)	215 (85.70)	4.06	0.61
5. Berapa banyak yang boleh anda lakukan dalam membantu kanak-kanak mengatasi perasaan tidak berdaya, khususnya Tingkah Laku agresif kanak-kanak lain?	2 (0.80)	51 (20.30)	198 (78.90)	3.71	0.76
